



LAPORAN **2025**

BANDAR SELAMAT PUTRAJAYA

SELAMAT • INKLUSIF • MAMPAN



BERSAMA MEMBINA PUTRAJAYA
BANDAR SELAMAT, KOMUNITI SEJAHTERA



Laporan Bandar Selamat Putrajaya

2025



Perutusan Presiden

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, Perbadanan Putrajaya telah menerbitkan Laporan Bandar Selamat 2025. Laporan ini merekodkan semua program dan projek bandar selamat berdasarkan 20 langkah utama. Sebanyak 5,036 inisiatif telah dilaksanakan oleh ahli Task Force Bandar Selamat sepanjang tahun 2025 yang merangkumi projek fizikal, penambahan infrastruktur keselamatan, rondaan, program pendidikan dan kesedaran awam.

Bagi tujuan meningkatkan tahap keselamatan persekitaran bandar dan jalan raya, sebanyak 559 unit cctv telah dipasangkan. Kawasan tumpuan awam dan jalan keluar/ masuk utama ke Putrajaya adalah di bawah pemantauan 'Putrajaya Command Centre' sepanjang masa membolehkan pasukan keselamatan mengambil tindakan dalam masa yang terpanjang.

Pencapaian utama tahun 2025 berbanding tahun 2024:


- i) Penurunan kadar jenayah kekerasan daripada 11 kes kepada 8 kes (pengurangan 27%)
- ii) Penurunan kadar kes denggi daripada 614 kes kepada 308 kes (pengurangan 50%).
- iii) Penurunan insiden pokok tumbang daripada 217 insiden kepada 112 insiden (pengurangan 48%)
- iv) Penurunan kadar kesalahan meletak kenderaan di laluan pejalan kaki daripada 8,899 kompaun kepada 8,162 kompaun (pengurangan 8%).

Dengan pencapaian di atas, jawatankuasa Bandar Selamat Putrajaya akan terus mempertingkatkan lagi inisiatif dari segi penguatkuasaan undang-undang, reka bentuk, rondaan dan pendidikan orang awam. Ini juga selaras dengan aspirasi konsep CHASE City seperti yang telah ditetapkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan).

Saya ingin merakam setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program Bandar Selamat Putrajaya khususnya bahagian dalaman PPj dan agensi Task Force Bandar Selamat Putrajaya. Adalah menjadi harapan agar kolaborasi ini dapat diteruskan pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

DATO' HAJI MOHD SAKERI BIN ABDUL KADIR
PRESIDEN
PERBADANAN PUTRAJAYA



Kata-Kata Aluan Naib Presiden

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izinnya jawatankuasa Task Force Bandar Selamat Putrajaya telah berjaya melaksanakan pelbagai program yang telah dirancang sepanjang tahun 2025, khususnya bertujuan untuk mengurangkan jenayah dan gejala sosial serta wabak penyakit yang boleh menjejaskan kesejahteraan warga Putrajaya.

Laporan ini disediakan untuk memberikan maklumat yang lebih jelas mengenai status pelaksanaan oleh Task Force dan rakan strategik sepanjang tahun 2025. Selain itu, dijadikan sebagai panduan untuk merancang dan menambahbaik pelaksanaan inisiatif untuk tahun-tahun yang akan datang.

Antara inisiatif-inisiatif utama yang telah dilaksanakan pada 2025 adalah seperti:

- i) Projek pengasingan laluan pejalan kaki dari laluan bermotor.
- ii) Penambahan Kamera Litar Tertutup (CCTV) di premis perniagaan dan tempat awam.
- iii) Penyediaan kiosk-kiosk perniagaan di kawasan terdedah dengan jenayah.
- iv) Rondaan dan operasi mencegah jenayah, gejala sosial dan keselamatan jalan raya.
- v) Program dan operasi mencegah wabak denggi.
- vi) Kempen dan program kesedaran awam.
- vii) Penambahbaikan tahap pencahayaan di kawasan perumahan.
- viii) Pemasangan struktur pengasingan (railing) sebagai langkah mencegah insiden cubaan bunuh diri di Jambatan Seri Wawasan, Presint 2.

Akhir kata, saya mengucapkan syabas kepada ahli Task Force Bandar Selamat Putrajaya yang menunjukkan komitmen tinggi dalam pelaksanaan program-program Bandar Selamat. Diharapkan segala usaha yang berterusan ini akan memberi manfaat kepada warga Putrajaya dan mampu menjadikan Putrajaya sebagai bandar paling selamat di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

DATIN TPr. HJH. SALMAH BINTI HJ. SALMAN
NAIB PRESIDEN PERANCANGAN BANDAR
PERBADANAN PUTRAJAYA





Isi Kandungan

Langkah 1: Pengasingan Laluan Pejalan Kaki dari Laluan Bermotor	7
Langkah 2: Pelaksanaan Reka Bentuk Persekitaran Fizikal yang Selamat (CPTED)	10
Langkah 4: Penyediaan Balai Polis Tetap atau Bergerak	15
Langkah 5: Penyediaan Cermin Keselamatan	17
Langkah 6: Penyediaan Papan Tanda Peringatan Jenayah	20
Langkah 9: Pemasangan Kamera Litar Tertutup (CCTV) di Premis Perniagaan dan Tempat Awam	22
Langkah 10: Pencahayaan	25
Langkah 11: Laluan Awam tidak Terlindung dari Pandangan Awam	28
Langkah 12: Penjanaan Aktiviti Bersesuaian di Kawasan Terdedah dengan Jenayah	30
Langkah 13: Pendidikan, Kesedaran Awam dan Publisiti	33
Langkah 14: Meningkatkan Rondaan di Kawasan Perumahan	36
Langkah 15: Agenda Tetap Bulanan Mesyuarat Majlis Penuh PBT	41
Langkah 16: Pengurusan Risiko Bencana, Penyelamat dan Khidmat Kemanusiaan	43
Langkah 17: Program Pencegahan Jenayah	45
Langkah 18: Pengawalan Keselamatan Jalan Raya	49
Langkah 19: Pencegahan Gejala Sosial	51
Langkah 20: Pencegahan Denggi di Putrajaya	55

Senarai Jadual

2.1	8
Permohonan Kebenaran Merancang 2025 yang Menerapkan Rekabentuk Bandar Selamat	
2.2	10
Lokasi Gazebo KRT di Putrajaya	
4.1	15
Senarai Acara Penyediaan Balai Polis Bergerak Tahun 2025	
6.1	20
Senarai Lokasi Penggantian Pelekat Papan Tanda Peringatan Jenayah	
9.1	23
Senarai Lokasi CCTV Yang Dipasangkan Tahun 2025	
11.1	28
Senarai Lokasi Kerja-Kerja Membersihkan/Pemangkasan Pokok-Pokok Berisiko	
12.1	31
Senarai Lokasi Penjanaan Aktiviti Bersesuaian Di Kawasan Terdedah Dengan Jenayah	
14.1	39
Senarai Rondaan Di Kawasan Perumahan	
18.1	49
Senarai Kempen Pengawalan Keselamatan Jalan Raya pada Tahun 2025	

Lampiran A : Senarai Penghargaan

61

Senarai Rajah

3.1	13
Pelan <i>Hotspot</i> Kes Jenayah di Putrajaya Tahun 2025	
13.1	35
Rumusan Program Pendidikan, Kesedaran Awam dan Publisiti 2025	
15.1	41
Mesyuarat Jawatankuasa Program Bandar Selamat Putrajaya	
16.1	43
Rumusan Inisiatif Langkah 16 oleh Jabatan Bomba Putrajaya	
17.1	47
Rumusan Program Pencegahan Jenayah oleh IPD Putrajaya	
19.1	53
Senarai Operasi / Rondaan bagi Pencegahan Gejala Sosial	



Langkah 1:

Pengasingan Lalan
Pejalan Kaki dari
Lalan Bermotor

Langkah 1:

Pengasingan Laluan Pejalan Kaki dari Laluan Bermotor

Inisiatif di bawah langkah ini dijalankan berdasarkan skop-skop berikut:

- Menetapkan syarat penyediaan pengasingan laluan pejalan kaki dalam pembangunan baru
- Penambahbaikan di pembangunan sedia ada

i. Pembangunan Baru



Pembangunan baru di Destina Putrajaya, Presint 7 telah menyediakan pengasingan laluan pejalan kaki dari laluan bermotor berjarak 900 meter.


ii. Penambahbaikan di Pembangunan Sedia Ada

Sebanyak 3 projek telah dilaksanakan untuk tahun 2025.

Sebelum



Selepas



Pemasangan struktur pengasingan (pagar anti-climb) di Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 8 (2) berjarak 38 meter.

Sebelum



Selepas



Pemasangan struktur pengasingan (pagar anti-climb) di Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 17(1) berjarak 42 meter.



Pemasangan struktur pengasingan (railing) atas kerb sedia ada di Jambatan Seri Wawasan, Presint 2 berjarak 780 meter (kiri dan kanan) bagi mencegah insiden bunuh diri.

Langkah 2:

Pelaksanaan Reka Bentuk Persekitaran Fizikal yang Selamat (CPTED)



Langkah 2:

Pelaksanaan Reka Bentuk Persekitaran Fizikal yang Selamat (CPTED)

Inisiatif di bawah langkah ini dijalankan secara dua kaedah iaitu:

- i. Menetapkan ulasan permohonan Kebenaran Merancang untuk semua pembangunan baru.
- ii. Menjalankan penambahbaikan di pembangunan sedia ada mengikut keperluan.

2.1 Permohonan Kebenaran Merancang yang Menerapkan CPTED

Pada tahun 2025 sebanyak 8 permohonan Kebenaran Merancang yang telah diterima dan diberi ulasan berdasarkan keperluan Pelaksanaan Reka Bentuk Persekitaran Fizikal yang Selamat. Antara elemen keselamatan yang diterapkan dalam 8 permohonan Kebenaran Merancang tersebut adalah seperti berikut :

- a. Penyediaan cermin keselamatan.
- b. Menyediakan pencahayaan yang baik.

Jadual 2.1 :

Permohonan Kebenaran Merancang 2025 yang Menerapkan Reka Bentuk Bandar Selamat

Bil	Nama Pembangunan
1	Bangunan Kedutaan The Government Of The State Kuwait di atas Lot 714, Jalan Diplomatik 2/5, Presint 15
2	Kediaman Rasmi The Government Of The State Kuwait Di atas Lot 711, Jalan Diplomatik 2/5, Presint 15
3	Kediaman Kakitangan The Government Of The State Kuwait Di atas Lot 691, Jalan Diplomatik 2/4, Presint 15
4	Kediaman Kakitangan The Government Of The State Kuwait Di atas Lot 690, Jalan Diplomatik 2/3, Presint 15
5	Kediaman Kakitangan The Government Of The State Kuwait Di atas Lot 689, Jalan Diplomatik 2/4, Presint 15
6	Kediaman Kakitangan The Government Of The State Kuwait Di atas Lot 694, Jalan Diplomatik 2/3, Presint 1
7	Kediaman Kakitangan The Government Of The State Kuwait Di atas Lot 695, Jalan Diplomatik 2/3, Presint 15
8	Bangunan Kedutaan The Government Of The State Kuwait Di atas Lot 696, Jalan Diplomatik 2/3, Presint 15


2.2 Menjalankan Penambahbaikan di Pembangunan Sedia Ada

Pemasangan Pagar

Sebelum



Selepas



Pemasangan pagar jenis 'anti-climb' berjarak 680m dan pagar kawad duri (Razor Barbed Tape) berjarak 150m di belakang lot-lot banglo, Jalan P11A 6/6, Presint 11.

Penyediaan Gazebo di Kawasan Rukun Tetangga (KRT)

Perbadanan Putrajaya telah membekalkan 3 unit gazebo di Kawasan Rukun Tetangga (KRT) untuk membantu mengawasi keselamatan terutama pada waktu malam bagi membendung kes kecurian harta benda, pecah rumah dan jenayah di kawasan kediaman. Sejumlah 22 unit gazebo yang telah disediakan sehingga tahun 2025 seperti di Jadual 2.2.


Jadual 2.2 :
Lokasi Gazebo KRT di Putrajaya

Bil	Lokasi KRT	Tahun	Unit
1	KRT Apartment Presint 16	2020	1
2	KRT P14G, Presint 14		1
3	PPAM Melinjau, Presint 11	2021	1
4	PPAM Seruling, Presint 5		1
5	KRT 8E, Presint 8	2022	1
6	KRT Putra Court 4, Presint 9		1
7	KRT P14H, Presint 14		1
8	KRT P14E, Presint 14		1
9	KRT P17RK1, Presint 17		1
10	KRT P9B, Presint 9	2023	1
11	KRT Fasa 3, Presint 9		1
12	KRT P9G, Presint 9		1
13	KRT P11A2, P11A5, Presint 11		1
14	KRT 11B & Zon 4A, Presint 11		1
15	KRT P11F, Presint 11		1
16	KRT Zon 6B, Presint 11		1
17	KRT Putra Damai, Presint 11		1
18	KRT Presint 12		1
19	KRT P14C2, Presint 14		1
20	KRT Pangapuri Putra Harmoni (Blok C & D), Presint 9	2025	1
21	KRT Jalan P11D, Presint 11		1
22	KRT P14-7 (Blok B), Presint 14		1
Jumlah			22

Sebelum



Selepas



KRT Pangsapuri Putra Harmoni (Blok C & D), Presint 9



KRT Jalan P11D, Presint 11



KRT P14-7 (Blok B), Presint 14



Langkah 4:

Penyediaan
Balai Polis Tetap
atau Bergerak

Langkah 4: Penyediaan Balai Polis Tetap atau Bergerak

Perkhidmatan balai polis bergerak bagi acara-acara utama telah disediakan oleh IPD Putrajaya sepanjang tahun 2025. Perincian adalah seperti di Jadual 4.1.

Jadual 4.1:
Senarai Acara Penyediaan Balai Polis Bergerak Tahun 2025

Bil	Nama Acara	Tarikh Acara
1	"OP AISSE'25" Asia International Security & Expo (AISSE 2025), Presint 5	19-22/01/2025
2	Hari Terbuka Putrajaya 2025 (POD 2025), Presint 3	06/09/2025
3	Festival Ramadan Putrajaya 2025, Presint 3	02-29/03/2025
4	"OP FUWA" Lawatan Rasmi Negara TYT Xi Jinping, Presiden Republik Rakyat China Ke Malaysia, Presint 6	14-17/04/2025
5	Majlis Sambutan Aidilfitri YAB Timbalan Perdana Menteri Merangkap Menteri Kemajuan Desa Dan Wilayah (KKDW) Tahun 2025, Presint 4	13/04/2025
6	"OP ASEAN 2025" Asean Auditor Conference 2025, Presint 5	27-28/05/2025
7	Latih Amal Simulasi Pusat Pemindahan Sementara (PPS), Presint 8	18/06/2025
8	"OP ASEAN 2025" Cyber Defence & Security And Conference (CYDES 2025), Presint 5	01-03/07/2025
9	"OP LAKAR PERDANA" Pergerakan YAB Perdana Menteri Ke Program Malaysia Bermunajat, Presint 1	19/07/2025
10	"OP PAHLAWAN 2025" Istiadat Sambutan Hari Pahlawan 2025, Presint 1	31/7/2025
11	"OP MERDEKA 2025" Sambutan Hari Kebangsaan Ke - 68 Tahun 2025, Presint 3	25-31/08/2025
12	"OP MERDEKA 2025" Program Riuhan Merdeka 2025, Presint 2	30-31/08/2025
13	Latih Amal Pengurusan Bencana Pelbagai Agensi (D-Mex) Gas District Cooling Putrajaya, Presint 1	26/09/2025
14	Festival Idea Putrajaya 2025 (FOI 2025), Presint 5	04-08/11/2025
15	Sambutan November Bulan Keluarga Kebangsaan Tahun 2025, Presint 13	08-09/11/2025
16	Program Sama' Hadis Sahih Muslim Antarabangsa 2025, Presint 1	19-28/11/2025
17	"OP LAKAR PERDANA" Pergerakan YAB Perdana Menteri Ke Majlis Perasmian Penutupan Khatam Hadis Sahih Muslim Antarabangsa 2025, Presint 1	28/11/2025



Acara OP ASEAN 2025 di PICC



Program Rancangan MADANI di Dataran Putrajaya



Sambutan Merdeka 2025 di Dataran Putrajaya



Majlis Perasmian Penutupan Khatam Hadis Sahih Muslim Antarabangsa 2025 di Masjid Putra

Langkah 5:

Penyediaan Cermin
Keselamatan



Langkah 5: Penyediaan Cermin Keselamatan

Pembangunan baru pada tahun 2025 yang telah dilengkapi dengan cermin keselamatan di dalam premis.



Penyediaan cermin keselamatan di laluan akses aras tempat letak kenderaan, Destina Putrajaya, Presint 7

Langkah 6:

Penyediaan
Papan Tanda
Peringatan Jenayah



Langkah 6: Penyediaan Papan Tanda Peringatan Jenayah

Bagi tahun 2025, langkah ini diteruskan dengan penggantian pelekat baru pada papan tanda peringatan jenayah sedia ada. Kerja-kerja penggantian ini melibatkan 13 lokasi di sekitar Putrajaya seperti Jadual 6.1.


Dua jenis pelekat baru iaitu:

- i. Nombor Panggilan Kecemasan bersepadu yang merangkumi nombor kecemasan Ibu Pejabat Polis Putrajaya, Bomba Putrajaya, Hospital Putrajaya dan Putrajaya Command Centre.
- ii. Papan tanda peringatan untuk kunci motorsikal. Maklumat seperti talian ibu pejabat polis Putrajaya telah dikemaskini.

Jadual 6.1:
Senarai Lokasi Penggantian Pelekat Papan Tanda Peringatan Jenayah

Bil	Lokasi	Bilangan
1	Jalan Alamanda 1, Presint 1	1
2	Kawasan komersil di Jalan P8G1, Presint 8	1
3	Jalan Merpati P9C, Presint 9	1
4	Kawasan kolam tadahan, Presint 9	2
5	Jalan P9B1, Presint 9	1
6	Kawasan tempat letak motorsikal di PICC, Presint 5	1
7	Kawasan komersil Kejiranan Presint 8	2
8	Kawasan komersil tempatan, Presint 9	1
9	Kawasan komersil tempatan Pangsapuri Putra Harmoni, Presint 9	1
10	Blok G Pangsapuri Putra Damai, Presint 11	1
11	Kawasan tempat letak motorsikal Blok G Pangsapuri Putra Damai, Presint 11	1
12	Jalan Diplomatik, Presint 15	2
13	Kawasan Pusat Kejiranan Presint 16	1
	Jumlah	16

Sebelum




Selepas



Kolam tadahan, Presint 9



Pangsapuri Putra Damai, Presint 11



5-013 JEN. DIPLOMATIK



Sector 5



01.10.2025 14:01:44

Langkah 9:

Pemasangan Kamera Litar Tertutup (CCTV) Di Premis Perniagaan dan Tempat Awam

Langkah 9: Pemasangan Kamera Litar Tertutup (CCTV) Di Premis Perniagaan dan Tempat Awam

Kamera litar tertutup (CCTV) di Putrajaya dipasangkan untuk tujuan pemantauan *hotspot* jenayah dan keadaan lalu lintas. Jumlah keseluruhan CCTV yang telah dipasangkan oleh Perbadanan Putrajaya adalah sebanyak 548 unit dan sebanyak 26 unit CCTV baru telah dipasangkan sepanjang tahun 2025. Lokasi adalah seperti di Jadual 9.1.

Jadual 9.1:
Senarai Lokasi CCTV yang Dipasangkan Tahun 2025

Bil	Lokasi	Bilangan
1	Jalan Diplomatik, Presint 5	1
2	Parking Bertingkat Presint 15, Lorong Diplomatik P15/6, P15/5 dan P15/4	8
3	Jalan keluar dan masuk PPAM Seruling, Presint 5	4
4	Jalan keluar dan masuk PPA Apartment 5R4, Presint 5	2
5	Jalan keluar dan masuk PPA Apartment 5R6, Presint 5	2
6	Jalan keluar dan masuk Sekolah Kebangsaan Presint 18(2)	2
7	Jalan keluar dan masuk parking bertingkat Destina Putrajaya 7MD7, Presint 7	4
8	Jejantas Destina Putrajaya, 7MD7, Presint 7	3
Jumlah		26



Jalan Diplomatik
Presint 15 DE

Parkir Bertingkat, Lorong
Diplomatik P15/6,
Presint 15 DE

Jalan keluar dan masuk PPA 5R4,
Presint 5

Langkah 10:

Pencahayaan



Langkah 10: Pencahayaan

Sebanyak 2 projek penambahbaikan pencahayaan di kawasan perumahan telah dilaksanakan iaitu di Jalan Temoleh P8/7, Presint 8, Putrajaya dan Jalan P8E2/4, Presint 8, Putrajaya.

Sebelum



Selepas



Jalan Temoleh P8/7, Presint 8



Jalan P8E2/4, Presint 8

Langkah 11:

Laluan Awam Tidak
Terlindung dari
Pandangan Awam



Langkah 11:**Laluan Awam Tidak Terlindung dari Pandangan Awam****i. Membersihkan / Pemangkasan Pokok-Pokok Berisiko**

Tindakan ini bertujuan untuk meningkatkan keselamatan, mengurangkan risiko pokok tumbang dan memastikan persekitaran yang lebih teratur dan selesa untuk penduduk setempat. Sebanyak 9 lokasi pembersihan semak sepanjang tahun 2025, seperti di Jadual 11.1.

Jadual 11.1:**Senarai Lokasi Kerja-kerja Membersihkan / Pemangkasan Pokok-pokok Berisiko**

Bil	Lokasi
1	No.17 Jalan P14G, Presint 14
2	No.7 Jalan P16D/6, Presint 16
3	No.5 Jalan P15H3/1, Presint 15
4	No.16 Jalan Kesum P16/2, Presint 16
5	No.5, 14, 16 Jalan P9B/12, Presint 9
6	No.9 Jalan Kunyit Emas P16/2, Presint 16
7	No.15 Jalan Junifer P11/2, Presint 11
8	No.18 Jalan P15H1/2, Presint 15
9	No.13 Jalan P14C2/1, Presint 14



No.17 Jalan P14G,
Presint 10



No.7 Jalan P16D/6,
Presint 16



No.13 Jalan P14C2/1,
Presint 14

ii. Tidak Membenarkan Perniagaan dan Meletak Kenderaan di Laluan Pejalan Kaki



Operasi halangan siar kaki di kawasan premis perniagaan oleh Bahagian Penguatkuasa PPj



Operasi kesalahan meletak kenderaan di laluan pejalan kaki oleh Bahagian Penguatkuasa PPj





Langkah 12:

Penjanaan Aktiviti
Bersesuaian di
Kawasan Terdedah
dengan Jenayah

Langkah 12: Penjanaan Aktiviti Bersesuaian di Kawasan Terdedah dengan Jenayah

Mewujudkan gerai-gerai atau apa jua bentuk perniagaan di kawasan yang sebelum ini sunyi dan gelap dapat membantu mengelakkan kawasan tersebut daripada menjadi sasaran aktiviti jenayah. Kewujudan perniagaan kiosk ini akan menerangi kawasan tersebut, menjadikannya sebagai tumpuan orang ramai. Sebanyak 10 unit kiosk telah dilaksanakan pada tahun 2025, seperti di Jadual 12.1

Jadual 12.1:
Senarai Lokasi Penjanaan Aktiviti Bersesuaian di Kawasan Terdedah dengan Jenayah

Bil	Lokasi	Bilangan
1	Kios Program Usaha Jaya Insan (PUJI) JWP, Pangsapuri Putra Damai, Presint 11, Putrajaya	4 unit
2	Laman Selera Jalan Kajangan P6, Presint 6, Putrajaya	6 unit
Jumlah		10 unit

Sebelum



Selepas




Kios Program Usaha Jaya Insan (PUJI) JWP, Pangsapuri Putra Damai, Presint 11, Putrajaya

Sebelum



Selepas



Laman Selera Jalan Kajangan P6, Presint 6, Putrajaya

Langkah 13:

Pendidikan,
Kesedaran Awam
dan Publisiti




Langkah 13:

Pendidikan, Kesedaran Awam Dan Publisiti

i. Media Massa

Facebook Perbadanan Putrajaya



7 Februari 2025


Program Bual Bicara, Di Mana Noktahnya Panggilan 999 di dalam Pengurusan Kes Jantung Terhenti sempena Hari Terbuka Putrajaya 2025 dengan kerjasama Hospital Putrajaya



5 Oktober 2025

Program Gotong-Royong Mega Perangi Aedes 2.0/2025 Peringkat WP Putrajaya dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Putrajaya

ii. Laman Web Program Bandar Selamat Putrajaya



Hebahan dan maklumat berkenaan program Bandar Selamat Putrajaya di laman web PPJ.

iii. Taklimat / Kempen/ Pameran

Sepanjang tahun 2025, sebanyak 152 program pendidikan, kesedaran awam dan publisiti yang telah dijalankan oleh ahli-ahli Jawatankuasa Bandar Selamat Putrajaya. Perinciannya seperti di Jadual 3.1.

Rajah 13.1:
Rumusan Program Pendidikan, Kesedaran Awam dan Publisiti 2025



Program Bual Bicara 2025 sempena Hari Terbuka Putrajaya 2025



Program Bual Bicara 2025 : Di Mana Noktahnya Panggilan 999 Di Dalam Pengurusan Kes Jantung Terhenti sempena Hari Terbuka Putrajaya pada 7 Februari 2025 melibatkan seramai 50 orang peserta.



Program bual bicara ini diadakan bagi menyedarkan orang ramai agar lebih faham dan cakna mengenai fungsi sebenar panggilan 999 didalam menangani kes-kes jantung terhenti sehinggalah ketibaan bantuan ambulan kecemasan.

Kursus Bimbingan Asuhan Keselamatan dan Kesihatan Kanak-Kanak di Putrajaya

Kursus Bimbingan Asuhan Keselamatan dan Kesihatan Kanak-Kanak di Putrajaya telah diadakan sebanyak 3 kali iaitu pada 10 Mei 2025, 5 Julai 2025 dan 25 Oktober 2025




Kursus Bimbingan Asuhan, Keselamatan dan Kesihatan Kanak-kanak telah diadakan untuk memberi pengetahuan teori dan praktikal berhubung kaedah asuhan kanak-kanak yang selamat dan sihat disamping memberi penekanan pengurusan psikologi kepada pengasuh kanak-kanak di Putrajaya. Ia juga merupakan salah satu inisiatif bagi mengurangkan kadar kematian kanak-kanak bawah umur 5 tahun di WP Putrajaya.



Langkah 14:

Meningkatkan
Rondaan di Kawasan
Perumahan



Langkah 14: Meningkatkan Rondaan di Kawasan Perumahan

Sebanyak empat puluh satu (41) rondaan yang telah dijalankan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Putrajaya sepanjang tahun 2025. Perincian adalah seperti di Jadual 14.1.

Jadual 14.1 :
Senarai Rondaan Di Kawasan Perumahan

Bil	Lokasi/Presint	Bil Rondaan
1	KRT Apartment 15-12A Presint 15	4
2	KRT Presint 12	4
3	SRS Fasa 5 Presint 9	1
4	SRS Jalan K Presint 11	8
5	SRS P14H Presint 14	4
6	SRS Apartment Presint 16	8
7	SRS Aparment 18R4 Presint 18	8
8	SRS Blok A&B Putra Damai, Presint 11	4
Jumlah		41



Rondaan di kawasan perumahan yang telah dijalankan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Putrajaya bersama dengan penduduk.

Langkah 15: **Agenda Tetap Bulanan Mesyuarat Majlis Penuh PBT**

Jawatankuasa Bandar Selamat Putrajaya yang dipengerusikan oleh Presiden Perbadanan Putrajaya telah bersidang sebanyak dua (2) kali pada tahun 2025 iaitu pada 16 Jun 2025 dan 10 Disember 2025. Cabutan minit mesyuarat dan maklum balas minit mesyuarat juga telah dibentangkan dalam Mesyuarat Anggota PPj pada 20 Februari 2025 dan 19 Ogos 2025.

Pelaporan status pelaksanaan program bandar selamat adalah berdasarkan empat (4) *Task Force* iaitu:

Task Force 1: Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Jalan Raya

Task Force 2: Rekabentuk Persekitaran Bandar (Perlaksanaan Projek Fizikal dan Perancangan),

Task Force 3: Pencegahan Gejala Sosial dan Pendidikan Kesedaran Awam

Task Force 4: Kesihatan.

Rajah 15.1 : Mesyuarat Jawatankuasa Program Bandar Selamat Putrajaya



Bil. 1/2025 pada 16 Jun 2025



Bil. 2/2025 pada 10 Disember 2025



Langkah 16:

Pengurusan
Risiko Bencana,
Penyelamat dan
Khidmat Kemanusiaan

Langkah 16: Pengurusan Risiko Bencana, Penyelamat dan Khidmat Kemanusiaan

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (BOMBA) Putrajaya telah melaksanakan 3 Pillar Utama di bawah Langkah 16 iaitu:

- i. Operasi Kebombaan dan Penyelamatan
- ii. Keselamatan kebakaran
- iii. Latihan

Perincian adalah seperti di Rajah 16.1.

Rajah 16.1:
Rumusan Inisiatif Langkah 16 oleh Jabatan Bomba Putrajaya



KEMALANGAN JALAN RAYA

Kategori	Bil
Kemalangan jalan bandaran/biasa	6
Kemalangan jalan persekutuan	
Kemalangan lebuhraya	1
Kemalangan lain-lain	1
Jumlah	8



TUMPAHAN DAN KEBOCORAN BAHAN BAHAYA

Kategori	Bil
Petroleum	25
Bahan kimia	
Bahan bahaya lain	
Bahan tidak bahaya	
Kebocoran gas	1
Jumlah	26



PANGGILAN KECEMASAN BANGUNAN / STRUKTUR

Kategori	Bil
Terperangkap dalam lif	66
Terperangkap dalam lain ruang	50
Tersepit / Terperangkap di mesin	
Terperangkap dalam bilik air	12
Lain-lain tugas khas	4
Jumlah	132



PANGGILAN MENCARI DAN MENYELAMAT

Kategori	Bil
Lemas dalam air	
Lemas dalam pembentungan	
Hilang dalam hutan	
Lemas dalam air	1
Jumlah	1



PANGGILAN BENCANA ALAM

Kategori	Bil
Bencana banjir	
Tanah runtuh	
Bangunan runtuh	
Ribut / angin kencang	
Gempa bumi	
Pokok tumbang	10
Jumlah	10



PANGGILAN KECEMASAN LAIN / KHIDMAT KEMANUSIAN

Kategori	Bil
Bantuan menangkap ular / binatang	27
Memusnahkan serangga berbisa	48
Membantu polis untuk kes kecemasan	
Membantu menangkap orang tidak siaman/ Hendak bunuh diri	8
Lain-lain kecemasan	29
Bantuan ERMS	3
Jumlah	115



23-24 September 2025
 Bengkel dan Program Keselamatan Pejabat
 Bagi Pelaksanaan Kursus Keselamatan
 Kebakaran & Asas Pertolongan Cemas
 Jabatan Penilaian, Kementerian Kewangan
 Malaysia.



13 November 2025
 Latihan Kebakaran (Fire Drill) di Sekolah
 Kebangsaan Putrajaya Presint 11(3).



23 Julai 2025
 Ceramah Program Keselamatan
 Persekitaran SK Putrajaya Presint 9(2).



18 Jun 2025
 Latih Amal Simulasi Pusat Penempatan
 Sementara (PPS) Peringkat Jawatankuasa
 Pengurusan Bencana Daerah WP Putrajaya.



Program Latihan Pengurusan Bencana – Disaster Management Exercise (D'MEX) pada 26 September 2025 di Loji 2, GDC Putrajaya Presint 2



Langkah 17:

Program Pencegahan
Jenayah

Langkah 17: Program Pencegahan Jenayah

Sebanyak 4,279 program / kempen / taklimat untuk mencegah jenayah yang telah dilaksanakan oleh Ibu Pejabat Polis Daerah Putrajaya. Rumusan adalah seperti di Rajah 171.

Rajah 171: Rumusan Program Pencegahan Jenayah oleh IPD Putrajaya



26 Jun 2025

Program Padu Podcast x Wilayahku : Bongkar Taktik Scammer.



9 September 2025

Lawatan sambil belajar pelajar PPKI Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 8(2) ke Ibu Pejabat Polis Daerah Putrajaya.



Program/ kempen/ taklimat bagi Program Pencegahan Jenayah yang telah dilaksanakan oleh Ibu Pejabat Polis Daerah Putrajaya.



Langkah 18:

Program Pencegahan
Jenayah



Langkah 18: Pengawalan Keselamatan Jalan Raya

Langkah ini adalah inisiatif yang diambil untuk meningkatkan keselamatan pengguna jalan raya, dan mengurangkan kadar kemalangan di Putrajaya. Pengawalan keselamatan jalan raya melibatkan pelbagai aspek seperti reka bentuk jalan, penguatkuasaan undang-undang, program dan pendidikan keselamatan jalan raya.

Program / Kempen Keselamatan Jalan Raya

Sebanyak 8 program telah dilaksanakan oleh Ibu Pejabat Polis Daerah Putrajaya (IPD Putrajaya) dan Bahagian Trafik dan Pengangkutan Awam (BTPA) sepanjang tahun 2025 sepertimana di Jadual 18.1.

Jadual 18.1:
Senarai Program Pengawalan Keselamatan Jalan Raya pada Tahun 2025

Bil	Tarikh	Nama Program & Lokasi	Pelaksana
1	6 - 9 Februari 2025	Kempen Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (BSPT) dan Kaunter Saman (Perbadanan Putrajaya)	IPD
2	6 - 7 Mei 2025	OP Didik (Advokasi) (Sekolah Sekitar Putrajaya)	IPD
3	20 Mei 2025	Kempen Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (BSPT) Dan Kaunter Saman (Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya)	IPD
4	21 Mei 2025	Taklimat Keselamatan Jalan Raya Sempena Pelaksanaan Inisiatif Projek Perintis Program Safe School Zone Di Kompleks Sekolah P9(1), WP Putrajaya.	BTPA
5	9 Ogos 2025	Kaunter Saman di Karnival Kerjaya Madani (Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya)	IPD
6	16 Oktober 2025	Kaunter Saman di Hari Integriti Nasional 2025 (Kementerian Dalam Negeri)	IPD
7	28 Oktober 2025	Kaunter Saman di Hari Psikologi Imigresen	IPD
8	9 November 2025	Kaunter Saman di Sambutan Bulan November Bulan Keluarga (Taman Wetland)	IPD



Kempen BSPT dan Kaunter Saman di Perbadanan Putrajaya pada 6 hingga 9 Februari 2025.



Taklimat Keselamatan Jalan Raya Sempena Pelaksanaan Inisiatif Projek Perintis Program Safe School Zone Di Kompleks Sekolah P9(1), WP Putrajaya.

Projek 'Safe School Zone'

Lokasi : Kompleks Sekolah P9(1)

Tempoh projek: 1 April 2025 sehingga 30 September 2025

Projek ini merupakan hasil kerjasama antara PPj, Kementerian Pengangkutan Malaysia, Bloomberg Philanthropies Initiative for Global Road Safety dan Global Designing Cities Initiative.

Tujuan projek adalah seperti:

- meningkatkan keselamatan jalan raya, khususnya mengurangkan kelajuan kenderaan di sekitar kawasan sekolah.
- meningkatkan aksesibiliti yang selamat untuk pelajar dan pejalan kaki.
- mempromosikan pengangkutan mampan melalui reka bentuk infrastruktur yang mesra pengguna.






Langkah 19:

Pencegahan
Gejala Sosial

Langkah 19: Pencegahan Gejala Sosial

Sebanyak 55 kali operasi / rondaan bagi Pencegahan Gejala Sosial yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Putrajaya (JAWI). Rumusan seperti di Rajah 1.11.

Rajah 19.1 : Senarai operasi / rondaan bagi Pencegahan Gejala Sosial



Rondaan dan pemantauan cegah jenayah syariah di Putrajaya.



Langkah 20:

Pencegahan Denggi
di Putrajaya

Langkah 20: Pencegahan Denggi di Putrajaya

Inisiatif pencegahan denggi di Putrajaya telah dilaksanakan berdasarkan tiga kaedah berikut:

Operasi Gempur Aedes (OGA) di Kawasan Risiko Tinggi Pemiakan Aedes (6 kali)



Operasi Gempur Aedes (OGA) dijalankan setiap bulan di kawasan yang berisiko tinggi bagi pembiakan nyamuk Aedes seperti kawasan perumahan, tapak pembinaan, kebun komuniti, pusat tumpuan awam dan sebagainya.

Operasi Bersepadu Pencegahan & Kawalan Wabak Denggi (12 kali)



Operasi Bersepadu Pencegahan & Kawalan Wabak Denggi dijalankan di kawasan kediaman Putra.

Program Gotong-Royong Komuniti Perangi Aedes (21 kali)



Gotong-Royong Komuniti Perangi Aedes Bil. 1/2025 telah diadakan pada 18 Januari 2025 di Fasa 7, Presint 9.



Gotong-Royong Komuniti Perangi Aedes Bil. 2/2025 telah diadakan pada 22 Februari 2025 di Jalan P11A2, Presint 11.


Kemudahan Insektarium Wolbachia Wilayah Persekutuan Putrajaya

Lokasi : Taman Selatan, Presint 20, Putrajaya


Tarikh operasi : 1 Ogos 2025

Tujuan : Sebagai makmal untuk membiak dan mengawal kualiti nyamuk Aedes yang telah disuntik dengan bakteria Wolbachia.


Fungsi nyamuk berWolbachia ini adalah untuk membantu mengurangkan penularan penyakit bawaan nyamuk seperti demam denggi, chikungunya dan Zika. Setelah mencapai peringkat dewasa, nyamuk ini akan dilepaskan di lokasi pelepasan Aedes berWolbachia yang telah disenaraikan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Setakat ini, di Putrajaya terdapat empat (4) lokaliti pelepasan iaitu Apartment Sub 12, Presint 14; Apartment 14-7, Presint 14; Apartment Fasa 18R12, Presint 18; dan Apartment Fasa 18R13, Presint 18.



Kemudahan ini berkeluasan 1230 kaki persegi dan dilengkapi dengan bilik pemprosesan, bilik larva, bilik nyamuk dewasa dan zon pengawasan. Projek ini merupakan usahasama antara Perbadanan Putrajaya dengan Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya (JKWPKLP).



Telur nyamuk berWolbachia dibekalkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.



Alat penyisihan pupa.



Nyamuk berWolbachia yang dewasa disimpan dalam bekas sebelum proses perlepasan di lokaliti.




Perlepasan nyamuk dewasa berWolbachia di Pangsapuri Pejawat Awam 18R12 dan 18R13, Presint 18 pada 5 Disember 2025.



Senarai Penghargaan



Perbadanan Putrajaya dengan ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua ahli Jawatan Kuasa Bandar Selamat Putrajaya seperti berikut:



Senarai Penghargaan

1. Anggota Mesyuarat Perbadanan Putrajaya
2. Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP)
3. Bahagian Sub Perancangan Strategik, KDN
4. Majlis Keselamatan Negara (MKN)
5. Kementerian Belia Dan Sukan (KBS)
6. Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH)
7. Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)
8. Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional (JPNIN)
9. Planmalaysia (Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa)
10. Jabatan Kerja Raya WP Putrajaya
11. Jabatan Imigresen Malaysia
12. Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)
13. Jabatan Agama Islam W.P
14. Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia
15. Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Putrajaya
16. Pejabat Kesihatan Putrajaya
17. Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Cawangan Putrajaya
18. Bahagian Keselamatan Jalan Raya, JPJ
19. Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya
20. Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia Putrajaya
21. Hospital Putrajaya
22. Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF)
23. Pertubuhan Pengamal Pencegahan Jenayah Kuala Lumpur (KLCPPA)
24. Angkatan Pertahanan Awam Putrajaya (APM)
25. Pejabat Rela Putrajaya
26. Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS)
27. Majlis Permuafakatan PIBG Sekolah-sekolah Putrajaya
28. Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan Putrajaya (MPPWPP)
29. Institut Penyelidikan Keselamatan Jalanraya Malaysia (MIROS)


Sumber foto : En. Mazlan bin Samion (Pertandingan Fotografi Pelancongan Putrajaya 2022) dan Bahagian Komunikasi Korporat, Jabatan Perkhidmatan Korporat, Perbadanan Putrajaya.



Laporan
Bandar
Selamat
Putrajaya

2025

Perbadanan Putrajaya dengan ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua ahli Jawatan Kuasa Bandar Selamat Putrajaya seperti berikut:



Senarai Penghargaan


1. Anggota Mesyuarat Perbadanan Putrajaya
2. Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP)
3. Bahagian Sub Perancangan Strategik, KDN
4. Majlis Keselamatan Negara (MKN)
5. Kementerian Belia Dan Sukan (KBS)
6. Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH)
7. Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)
8. Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional (JPNIN)
9. Planmalaysia (Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa)
10. Jabatan Kerja Raya WP Putrajaya
11. Jabatan Imigresen Malaysia
12. Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)
13. Jabatan Agama Islam W.P
14. Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia
15. Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Putrajaya
16. Pejabat Kesihatan Putrajaya
17. Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Cawangan Putrajaya
18. Bahagian Keselamatan Jalan Raya, JPJ
19. Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya
20. Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia Putrajaya
21. Hospital Putrajaya
22. Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF)
23. Pertubuhan Pengamal Pencegahan Jenayah Kuala Lumpur (KLCPPA)
24. Angkatan Pertahanan Awam Putrajaya (APM)
25. Pejabat Rela Putrajaya
26. Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS)
27. Majlis Permuafakatan PIBG Sekolah-sekolah Putrajaya
28. Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan Putrajaya (MPPWPP)
29. Institut Penyelidikan Keselamatan Jalanraya Malaysia (MIROS)

Sumber foto : En. Mazlan bin Samion (Pertandingan Fotografi Pelancongan Putrajaya 2022) dan Bahagian Komunikasi Korporat, Jabatan Perkhidmatan Korporat, Perbadanan Putrajaya.

Langkah 19: Pencegahan Gejala Sosial

Sebanyak 55 kali operasi / rondaan bagi Pencegahan Gejala Sosial yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Putrajaya (JAWI). Rumusan seperti di Rajah 1.11.

Rajah 19.1 :
Senarai operasi / rondaan bagi Pencegahan Gejala Sosial



Rondaan dan pemantauan cegah jenayah syariah di Putrajaya.

Langkah 20:

Pencegahan Denggi
di Putrajaya



Langkah 20: Pencegahan Denggi di Putrajaya

Inisiatif pencegahan denggi di Putrajaya telah dilaksanakan berdasarkan tiga kaedah berikut:

Operasi Gempur Aedes (OGA) di Kawasan Risiko Tinggi Pemiakan Aedes (6 kali)



Operasi Gempur Aedes (OGA) dijalankan setiap bulan di kawasan yang berisiko tinggi bagi pembiakan nyamuk Aedes seperti kawasan perumahan, tapak pembinaan, kebun komuniti, pusat tumpuan awam dan sebagainya.

Operasi Bersepadu Pencegahan & Kawalan Wabak Denggi (12 kali)



Operasi Bersepadu Pencegahan & Kawalan Wabak Denggi dijalankan di kawasan kediaman Putra.

Program Gotong-Royong Komuniti Perangi Aedes (21 kali)



Gotong-Royong Komuniti Perangi Aedes Bil. 1/2025 telah diadakan pada 18 Januari 2025 di Fasa 7, Presint 9.



Gotong-Royong Komuniti Perangi Aedes Bil. 2/2025 telah diadakan pada 22 Februari 2025 di Jalan P11A2, Presint 11.


Kemudahan Insektarium Wolbachia Wilayah Persekutuan Putrajaya

Lokasi : Taman Selatan, Presint 20, Putrajaya


Tarikh operasi : 1 Ogos 2025

Tujuan : Sebagai makmal untuk membiak dan mengawal kualiti nyamuk Aedes yang telah disuntik dengan bakteria Wolbachia.


Fungsi nyamuk berWolbachia ini adalah untuk membantu mengurangkan penularan penyakit bawaan nyamuk seperti demam denggi, chikungunya dan Zika. Setelah mencapai peringkat dewasa, nyamuk ini akan dilepaskan di lokasi pelepasan Aedes berWolbachia yang telah disenaraikan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Setakat ini, di Putrajaya terdapat empat (4) lokaliti pelepasan iaitu Apartment Sub 12, Presint 14; Apartment 14-7, Presint 14; Apartment Fasa 18R12, Presint 18; dan Apartment Fasa 18R13, Presint 18.



Kemudahan ini berkeluasan 1230 kaki persegi dan dilengkapi dengan bilik pemprosesan, bilik larva, bilik nyamuk dewasa dan zon pengawasan. Projek ini merupakan usahasama antara Perbadanan Putrajaya dengan Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya (JKWPKLP).



Telur nyamuk berWolbachia dibekalkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.



Alat penyisihan pupa.



Nyamuk berWolbachia yang dewasa disimpan dalam bekas sebelum proses perlepasan di lokaliti.



Perlepasan nyamuk dewasa berWolbachia di Pangsapuri Pejawat Awam 18R12 dan 18R13, Presint 18 pada 5 Disember 2025.

Senarai Penghargaan





Senarai Penghargaan


Perbadanan Putrajaya dengan ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua ahli Jawatan Kuasa Bandar Selamat Putrajaya seperti berikut:

1. Anggota Mesyuarat Perbadanan Putrajaya
2. Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP)
3. Bahagian Sub Perancangan Strategik, KDN
4. Majlis Keselamatan Negara (MKN)
5. Kementerian Belia Dan Sukan (KBS)
6. Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH)
7. Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)
8. Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional (JPNIN)
9. Planmalaysia (Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa)
10. Jabatan Kerja Raya WP Putrajaya
11. Jabatan Imigresen Malaysia
12. Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)
13. Jabatan Agama Islam W.P
14. Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia
15. Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Putrajaya
16. Pejabat Kesihatan Putrajaya
17. Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Cawangan Putrajaya
18. Bahagian Keselamatan Jalan Raya, JPJ
19. Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya
20. Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia Putrajaya
21. Hospital Putrajaya
22. Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF)
23. Pertubuhan Pengamal Pencegahan Jenayah Kuala Lumpur (KLCPPA)
24. Angkatan Pertahanan Awam Putrajaya (APM)
25. Pejabat Relia Putrajaya
26. Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS)
27. Majlis Permuafakatan PIBG Sekolah-sekolah Putrajaya
28. Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan Putrajaya (MPPWPP)
29. Institut Penyelidikan Keselamatan Jalanraya Malaysia (MIROS)

Sumber foto : En. Mazlan bin Samion (Pertandingan Fotografi Pelancongan Putrajaya 2022)

KOLEKSI GAMBAR DARIPADA :

Bahagian Komunikasi Korporat, Jabatan Perkhidmatan Korporat, Perbadanan Putrajaya.



Perbadanan Putrajaya
Kompleks Perbadanan Putrajaya
24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya, Malaysia
Telefon : 603 8887 7000

 www.ppj.gov.my

     [perbadananputrajaya](https://www.facebook.com/perbadananputrajaya)